





CIAS

PROSIDUR KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN

LAPORAN KEMALANGAN DAN PENYIASATAN

DISEDIAKAN OLEH :	DILULUSKAN OLEH :		
AMIR BIN MOHAMED	DR. MOHAMAD BIN SULAIMAN K.M.N		
TANDATANGAN :	TANDATANGAN :		
			
TARIKH :	TARIKH :		
1 .02.2018	1 .02.2018		
NO. DOKUMEN :			
CIAS-PKKP-02			
NO. SEMAKAN : 1	NO. RPD : 1	TKH. KUATKUASA : 01.02.2018	MUKA SURAT : 1 DRP 5

 CIAS	PROSIDUR KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN	NO. SEMAKAN : 1
		NO. RPD : 0
	LAPORAN KEMALANGAN DAN PENYIASATAN	TKH. KUATKUASA : 01.10.09
		MUKA SURAT : 2 DRPD 5
CIAS-PKKP-02		

1.0 OBJEKTIF

Objektif prosidur ini adalah untuk;

- 1.1 Menjelaskan langkah-langkah tindakan semasa berlakunya kemalangan di Pusat Latihan Pengajar dan Kemahiran Lanjutan (CIAS).
- 1.2 Mencari punca dan penyebab berlakunya kemalangan serta melaksanakan tanggungjawab kebajikan.
- 1.3 Mencegah daripada kemalangan yang sama berulang; dan
- 1.4 Memenuhi kehendak undang-undang yang disyaratkan dalam Akta dan Peraturan yang berkaitan dengan keselamatan dan kesihatan pekerjaan.

2.0 SKOP

- 2.1 Prosidur ini hendaklah digunapakai semasa menyediakan laporan kemalangan dan menjalankan penyiasatan kemalangan di Pusat Latihan Pengajar dan Kemahiran Lanjutan (CIAS).

3.0 TANGGUNGJAWAB

- 3.1 Semua pegawai, kakitangan, kontraktor, pelawat dan pelatih hendaklah bertanggungjawab melaporkan kemalangan, kejadian berbahaya, keracunan pekerjaan atau penyakit pekerjaan yang berlaku di dalam Pusat Latihan Pengajar dan Kemahiran Lanjutan (CIAS)
- 3.2 Jawatankuasa Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan hendaklah bertanggungjawab melaksanakan prosedur laporan kemalangan dan penyiasatan.

4.0 DEFINASI DAN TERMINOLOGI

- | | | | |
|-----|------|---|--|
| 4.1 | PKK | - | Pegawai Keselamatan dan Kesihatan |
| 4.2 | JKK | - | Jawatankuasa Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan |
| 4.3 | JKKP | - | Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan |

 CIAS CIAS-PKKP-02	PROSIDUR KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN	NO. SEMAKAN : 1
		NO. RPD : 0
	LAPORAN KEMALANGAN DAN PENYIASATAN	TKH. KUATKUASA : 01.10.09
		MUKA SURAT : 3 DRPD 5

5.0 PROSIDUR

TINDAKAN MELAPOR KEMALANGAN

- 5.1 Semua kemalangan, kejadian berbahaya, keracunan pekerjaan atau penyakit pekerjaan yang berlaku di dalam Pusat Latihan Pengajar dan Kemahiran Lanjutan (CIAS) hendaklah dilaporkan seperti di **CARTA ALIR PROSES MELAPOR DAN MENYIASAT KEMALANGAN (LAMPIRAN 02-01)** dan tindakan hendaklah diambil mengikut prosidur ini.
- 5.2 Semua kemalangan sama ada mengalami kecederaan atau tidak, hendaklah dilaporkan kepada Ketua Program/Ketua Jabatan/Ketua Bahagian/Ketua Unit dengan segera.
- 5.3 Butiran kemalangan mestilah direkodkan dalam **BORANG LAPORAN KEMALANGAN** (No. Dokumen : BKKP-02-01) oleh pelapor dan borang laporan kemalangan boleh didapati pada setiap bahagian.
 - 5.3.1 Semua bahagian dalam borang tersebut perlu dipenuhi termasuk mengenalpasti punca kemalangan dan tindakan pemulihan diambil untuk mengelakkan perkara sama berulang.
 - 5.3.2 Borang perlu di hantar kepada Jawatankuasa Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan CIAS yang menyelaras semua urusan yang berkaitan dengan kemalangan tersebut.
- 5.4 Bagi kemalangan yang serius, kawasan kemalangan hendaklah jangan diganggu, kecuali untuk mencegah kemalangan yang lebih serius atau memudahkan laluan bantuan. Nasihat atau pandangan daripada Pengarah mengenai kemalangan hendaklah diperolehi serta merta.

PENYIASATAN KEMALANGAN

- 5.5 Semua kemalangan yang berlaku di dalam kawasan Pusat Latihan Pengajar dan Kemahiran Lanjutan (CIAS) mestilah disiasat oleh pegawai-pegawai berikut;
 - 5.5.1 **Pasukan Penyiasat Kemalangann Kecil (Minor)**
 - 5.5.1.1 Ketua Penyiasat
Pegawai Keselamatan dan Kesihatan

 CIAS	PROSIDUR KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN	NO. SEMAKAN : 1
		NO. RPD : 0
	LAPORAN KEMALANGAN DAN PENYIASATAN	TKH. KUATKUASA : 01.10.09
		MUKA SURAT : 4 DRPD 5
CIAS-PKKP-02		

5.5.1.2 Pembantu Penyiasat

- i. Ahli JKK CIAS
- ii. Ketua Unit

5.5.2 Pasukan Penyiasat Kemalanganann Besar (Major)

Anggota Lembaga Penyiasat Kemalangan

5.5.2.1 Ketua Lembaga Penyiasat Kemalangan
Pengarah/Pengerusi JKK

5.5.2.2 Ketua Penyiasat
Pegawai Keselamatan dan Kesihatan

5.5.2.3 Perunding Penyiasat
Pakar Penyiasat Luar

Anggota Penyiasat Kemalangan

5.5.2.4 Penyiasat 1
Ahli JKK CIAS

5.5.2.5 Penyiasat 2
Ketua Program

5.5.2.6 Penyiasat 3
Ketua Bahagian

5.5.2.7 Penyiasat 4
Ketua Unit

5.6 Butiran siasatan kemalangan hendaklah direkodkan dalam **BORANG SIASATAN KEMALANGAN** (No. Dokumen : BKKP-02-02).

5.7 Sebarang tindakan pencegahan hasil daripada penyiasatan perlu diawasi oleh Ketua Program/Ketua Bahagian/Ketua Unit untuk menentukan keberkesananannya.

6.0 LAMPIRAN

6.1 LAMPIRAN 02-01 - Carta Alir Proses Melapor dan Menyiasat Kemalangan



CIAS

PUSAT LATIHAN PENGAJAR DAN KEMAHIRAN LANJUTAN

PETI SURAT 7012, JALAN PETANI 19/1,

SEKSYEN 19, 40900 SHAH ALAM,

SELANGOR DARUL EHSAN

NO. TEL : 03 55415736 NO. FAX : 03 55414807

CARTA ALIR PROSES MELAPOR DAN MENYIASAT KEMALANGAN

